Dijangkakan lapan (8) laluan baru bakal diperkenalkan pada tahun 2018 dengan dua (2) pindaan laluan sedia ada. Sebelum dimuktamadkan, kesemua cadangan yang dibentangkan memerlukan semakan dan persetujuan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD). Pihak Berkuasa Tempatan seterusnya akan meneliti pandangan dan ulasan yang diberikan oleh SPAD terhadap cadangan laluan yang relevan sebelum perkhidmatan Bas Smart Selangor ini dapat dilaksanakan di kawasan-kawasan berkenaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN  
(N34 BUKIT GASING)**

**TAJUK : RUMAH SELANGORKU**

26. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa jumlah pembeli Rumah Selangorku berjaya atau gagal untuk mendapatkan pinjaman bank?
- b) Untuk mereka yang gagal, berapakah telah ditawarkan skim sewa beli rumah?
- c) Berapakah unit Rumah Selangorku yang telah telah dilancarkan dan berapakah unit ini yang masih belum dijual?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah pembeli Rumah Selangorku yang berjaya ditawarkan kepada pemohon bermula dari tahun 2014 sehingga 31 Januari 2018 adalah seramai 37,485 pemohon. Namun daripada jumlah tersebut, didapati hanya seramai 17,100 pemohon atau 46 % pemohon yang gagal untuk mendapatkan pinjaman bank dan sebagainya.
- b) Untuk makluman Yang Berhormat, Skim Sewa Beli atau pun Skim Dana Sel hanya terbuka kepada peneroka bandar bagi projek Rimba Jaya dan Sungai Sering. Ini adalah kerana ketidakupayaan mereka mendapatkan pinjaman walaupun telah hampir 10 tahun dan unit-unit mereka tidak boleh dijual oleh pemaju. Dari itu ianya membebankan pembeli dan juga pemaju.

Sementara itu untuk pembeli-pembeli kediaman PKNS, Kerajaan Negeri melalui HIJRAH telah memperkenalkan skim 'Smart Selangor First Home Buyers' iaitu pendahuluan 10% kepada pembeli untuk mendapat rumah idaman mereka.

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri melalui LPHS telah menyediakan Skim Smart Sewa di mana 30% daripada kadar sewaan akan dikembalikan kepada penyewa supaya mereka ini dapat menstabilkan pendapatan dan ada sumber kewangan untuk membeli rumah.

- c) Sehingga 28 Februari 2018, sebanyak 29 Projek dengan jumlah 20,627 unit Rumah Selangorku sedang dibina yang mana dijangkakan akan siap dan dilancarkan secara berperingkat sehingga tahun 2022. Perinciannya adalah seperti berikut :-

<b>TAHUN KELULUSAN</b>	<b>DALAM PEMBINAAN</b>	<b>DALAM PERANCANGAN</b>	<b>SIAP DIBINA</b>
2014	10 (6,700)	17 (6,024)	11 (2,594)
2015	15 (10,941)	55 (29,239)	5 (1,014)
2016	4 (2,986)	27 (15,216)	1 (12)
2017	-	43 (25,158)	1 (6)
2018	-	6 (687)	-
<b>JUMLAH</b>	<b>29</b> (20,627)	<b>148</b> (76,324)	<b>18</b> (3,626)

Setakat 31 Januari 2018, terdapat sebanyak 1,124 unit kosong Rumah Selangorku yang masih boleh ditawarkan kepada orang awam untuk tujuan pemilikan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN  
(N34 BUKIT GASING)**

**TAJUK : ENAKMEN KEBEBASAN MAKLUMAT (FOI)**

27. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan semua pegawai maklumat enakmen ini.
- b) Butirkan statistik permohonan mengikut tahun dan agensi/ jabatan.
- c) Berapa permohonan yang telah dipertimbangkan oleh Lembaga Rayuan dan apa statistik keputusannya?

**JAWAPAN:**

- a) Terdapat sebanyak 38 pegawai maklumat yang telah dilantik di bawah Enakmen Kebebasan Maklumat (Negeri Selangor) 2011 mengikut Jabatan/ Agensi. Senarai pegawai maklumat adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>AGENSI</b>	<b>NAMA</b>
1.	Pejabat Daerah dan Tanah Petaling	Puan Aslynda binti Mohd Dahlan
2.	Pejabat Daerah dan Tanah Gombak	Encik Abdul Shariz Izwan bin Abd Shukor
3.	Pejabat Daerah dan Tanah Klang	Encik Zulkifli bin Osman
4.	Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat	Encik Shaiful Bahari bin Ruslan
5.	Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat	Puan Nor Azurah binti Nasir
6.	Pejabat Daerah dan Tanah Sepang	Encik Muhamad Farhan bin Ibrahim
7.	Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Selangor	Encik Mohd Zary Affendi bin Mohd Arif
8.	Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor	Puan Dewi Dirwana binti Munasir
9.	Majlis Bandaraya Shah Alam	Encik Madiyan bin Baweh
10.	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	Tuan Hj. Ahmat Mohaayen bin Hj. Said
11.	Majlis Perbandaran Subang Jaya	Puan Nik Zalina binti Megat Muda
12.	Majlis Perbandaran Kajang	Encik Zahari Shukri bin Zainal
13.	Majlis Perbandaran Selayang	Puan Zulaina binti Abu Talib
14.	Majlis Perbandaran Klang	Puan Zulina binti Yahya
15.	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	Encik Mohamad Yusuf bin Sulaiman

BIL	AGENSI	NAMA
16.	Majlis Perbandaran Sepang	Puan Nor Suhaila binti Saat
17.	Majlis Daerah Kuala Selangor	Encik Amlie bin Ismail
18.	Majlis Daerah Sabak Bernam	Puan Rosmah binti Haji Ihsan
19.	Majlis Daerah Hulu Selangor	Encik Mohd Norazif bin Ahmad Tamsis
20.	Majlis Daerah Kuala Langat	Encik Mohd Yasin bin Alwi
21.	Lembaga Urus Air Selangor	Encik Ishak bin Kamaruzaman
22.	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor	Puan S. Normalis binti Abd. Samad
23.	Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Selangor	Puan Noor Azreena binti Abd Aziz
24.	Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor	Puan Normaliza binti Md Rayis
25.	Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan Negeri Selangor	Datin Siti Khadijah binti Abd. Aziz
26.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Bahagian Korporat)	Puan Mas Sakdah binti Kamaruzaman
27.	Perbendaharaan Negeri Selangor	Puan Rozzana binti Rahmat
28.	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor	Encik Abdul Razak bin Maksud
29.	Jabatan Pertanian Negeri Selangor	Iman Zakhrias bin Saberi
30.	Jabatan Perhutanan Negeri Selangor	Puan Norian binti Shamsuddin
31.	Jabatan Mufti Negeri Selangor	Encik Khairul Jahrin bin Nasri
32.	Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor	Puan Norliza binti Yusoff
33.	Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor	Puan Noor Syazana binti Marjuni
34.	Jabatan Agama Islam Negeri Selangor	Puan Azlinda binti Azman
35.	Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor	Encik Mohd Hidzir bin Jamhuri
36.	Jabatan Perancang Bandar dan Desa	Encik Rosly Bin Ahmad
37.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor	Encik Syawal bin Samin
38.	Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor	Puan Noor Huda binti Roslan

- b) Sebanyak 568 permohonan di bawah Enakmen Kebebasan Maklumat (Negeri Selangor) 2011 yang telah diterima dan diluluskan sepanjang pelaksanaan Enakmen Kebebasan Maklumat (Negeri Selangor) 2011 sejak tahun 2013. Jabatan yang telah menerima permohonan paling tinggi adalah Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor (JAKESS) iaitu sebanyak 134 permohonan, diikuti dengan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) sebanyak 101

permohonan. Manakala Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Selangor (PPAS) pula telah menerima sebanyak 67 permohonan sepanjang pelaksanaan Enakmen Kebebasan Maklumat (Negeri Selangor) 2011. Pecahan permohonan mengikut agensi adalah seperti di Lampiran A.

- c) Sepanjang pelaksanaan Enakmen Kebebasan Maklumat (Negeri Selangor) 2011, tiada permohonan yang telah dipertimbangkan oleh Lembaga Rayuan.

## LAMPIRAN A

## JUMLAH PERMOHONAN DI BAWAH ENAKMEN KEBEBASAN MAKLUMAT (NEGERI SELANGOR) 2011

BIL	AGENSI	JUMLAH PERMOHONAN					JUMLAH
		2013	2014	2015	2016	2017	
1	Pejabat Daerah dan Tanah Petaling	0	3	5	4	0	12
2	Pejabat Daerah dan Tanah Gombak	0	0	0	0	0	0
3	Pejabat Daerah dan Tanah Klang	0	0	0	1	1	2
4	Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat	0	10	10	17	0	37
5	Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat	0	1	2	2	1	6
6	Pejabat Daerah dan Tanah Sepang	0	0	0	0	0	0
7	Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Selangor	0	0	0	0	0	0
8	Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor	0	0	1	0	0	1
9	Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam	0	0	0	0	0	0
10	Majlis Bandaraya Shah Alam	0	1	1	5	2	9
11	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	0	2	5	2	0	9
12	Majlis Perbandaran Subang Jaya	0	6	9	4	2	21
13	Majlis Perbandaran Kajang	0	0	1	2	1	4
14	Majlis Perbandaran Selayang	0	0	0	0	0	0
15	Majlis Perbandaran Klang	0	0	0	0	0	0
16	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	0	14	13	19	2	48
17	Majlis Perbandaran Sepang	1	1	1	3	1	7
18	Majlis Daerah Kuala Selangor	0	0	0	0	0	0
19	Majlis Daerah Sabak Bernam	0	0	0	0	0	0
20	Majlis Daerah Hulu Selangor	0	0	0	1	0	1
21	Majlis Daerah Kuala Langat	0	0	0	0	0	0
22	Lembaga Urus Air Selangor	13	25	28	25	10	101
23	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor	0	0	3	41	0	44

BIL	AGENSI	JUMLAH PERMOHONAN					JUMLAH
		2013	2014	2015	2016	2017	
25	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Selangor	10	29	17	11	0	<b>67</b>
26	Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor	0	0	0	0	3	<b>3</b>
27	Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan Negeri Selangor	5	8	16	6	2	<b>37</b>
28	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor	0	4	6	4	2	<b>16</b>
29	Perbendaharaan Negeri Selangor	0	0	2	0	0	<b>2</b>
30	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor	0	0	0	0	0	<b>0</b>
31	Jabatan Pertanian Negeri Selangor	0	0	0	0	0	<b>0</b>
32	Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor	0	0	5	0	0	<b>5</b>
33	Jabatan Perhutanan Negeri Selangor	0	0	0	0	0	<b>0</b>
34	Jabatan Mufti Negeri Selangor	0	0	0	0	0	<b>0</b>
35	Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor	1	0	0	0	0	<b>1</b>
36	Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor	0	0	1	0	0	<b>1</b>
37	Jabatan Agama Islam Negeri Selangor	0	0	0	0	0	<b>0</b>
38	Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor	0	0	0	0	0	<b>0</b>
39	Jabatan Perancang Bandar dan Desa	0	0	0	0	0	<b>0</b>
40	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor	0	0	0	0	0	<b>0</b>
41	Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor	0	34	46	45	9	<b>134</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>							<b>568</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN  
(N34 BUKIT GASING)**

**TAJUK : STATISTIK JABATAN PENGUATKUASA MBPJ**

28. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila butirkan bilangan kakitangan jabatan penguatkuasaan mengikut bidang tugas atau jenis penguatkuasaan mereka.
- b) Sila butirkan statistik bilangan kompaun dan juga pendakwaan di mahkamah.
- c) Berapa pegawai yang telah dikenakan tindakan tatatertib bagi 3 tahun yang lepas?

**JAWAPAN:**

a)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN/UNIT</b>	<b>FUNGSI</b>	<b>JUMLAH KAKITANGAN</b>
1.	Penguatkuasaan	i. Melaksanakan tindakan penguatkuasaan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), Akta Parit, Jalan dan Bangunan 1974 (Akta 133) dan UUK. ii. Melaksanakan tindakan penguatkuasaan ke atas kesalahan seperti perniagaan tanpa lesen, halangan lalulintas, halangan tempat awam dan pembuangan sampah haram. iii. Melaksanakan tindakan eskot dan kawalan keselamatan, kawalan harta benda di program-program Majlis.	426
2.	Polis Bantuan	i. Menjalankan tugas-tugas kawalan keselamatan harta benda Majlis. ii. Melaksanakan kawalan ke atas orang ramai, memeriksa orang	52

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN/UNIT</b>	<b>FUNGSI</b>	<b>JUMLAH KAKITANGAN</b>
		dan kenderaan yang berurusan di Majlis. iii. Menjalankan rondaan keselamatan di lokasi aset-aset Majlis.	
<b>Jumlah Keseluruhan</b>			<b>478</b>

b)

<b>BIL</b>	<b>JENIS STATISTIK</b>	<b>JUMLAH</b>
1.	Kompaun pelbagai	368,903
2.	Pendakwaan kes pelbagai	2064

c)

<b>PBT</b>	<b>TINDAKAN TATATERTIB</b>		
<b>MBPJ</b>	<b>2015</b>	<b>2016</b>	<b>2017</b>
	<b>4</b>	<b>1</b>	<i>tiada</i>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG  
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

**TAJUK : PROJEK TERBENGGALAI DI HULU SELANGOR**

29. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri mendapat maklumat terkini mengenai keputusan Mahkamah Persekutuan terhadap Projek Perumahan Taman Lembah Beringin? Jika ya, nyatakan butir-butirnya.
- b) Adakah Kerajaan Negeri berusaha mencari pemaju penyelamat untuk membantu memulihkan projek terbengkalai Kg Melayu Rasa selepas PKNS tidak berdaya memulihkan projek yang sekian lama terbengkalai? Jika ya, nyatakan butir-butirnya.

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, Tetuan Ferrier Hodgson MH Sdn. Bhd. yang bertindak sebagai Pengurus & Penerima yang dilantik oleh RHB Bank sebagai pemegang gadaian telah menjual lot-lot tanah kosong kepada 7 syarikat dan unit-unit terbengkalai yang tiada pembeli dijual kepada Purnari Sdn. Bhd. melalui tender terbuka. Walau bagaimanapun, penjualan tersebut telah dicabar oleh Tetuan Emas Kiara Sdn. Bhd. di mahkamah. Susulan daripada itu, kes tersebut telah dibawa sehingga ke peringkat Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah telah menetapkan tarikh baru bagi pengurusan kes yang dijadualkan akan dibuat pada April 2018. Dengan ini, urusan pemulihan projek terbengkalai di Lembah Beringin ditangguhkan sehingga keputusan Mahkamah diperolehi.
- b) Untuk makluman Yang Berhormat, semakan semula PKNS terhadap kajian fesibiliti pembangunan mendapati pemulihan bagi projek terbengkalai Kg. Melayu Rasa ini adalah tidak berdaya maju. PKNS juga telah mengadakan perbincangan bersama Pengerusi Persatuan Pembeli Kg. Melayu Rasa pada 28 September 2017 bagi memaklumkan tentang status semakan kajian fesibiliti pembangunan yang dibuat PKNS.

Pengerusi Persatuan Pembeli Kg. Melayu Rasa turut memaklumkan kepada PKNS bahawa pihak mereka kini sedang dalam proses rundingan bersama sebuah syarikat kontraktor yang bersedia untuk membantu memulihkan projek tersebut.

Justeru itu, bagi pihak Kerajaan Negeri, jalan penyelesaian alternatif adalah masih terbuka dan akan diteruskan bagi membantu pembeli-pembeli teraniaya ini menyiapkan rumah mereka yang telah sekian lama terbengkalai.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG  
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

**TAJUK : PROJEK PENGANTIAN PAIP LAMA**

30. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerja-kerja projek penggantian paip lama di Kg Asam Kumbang telah siap? Jika tidak, nyatakan sebab-sebabnya.
- b) Nyatakan langkah-langkah yang akan diambil oleh Air Selangor bagi memastikan korekan jalan dan longkang dirosakkan oleh kontraktor semasa penggantian paip lama di Kg Asam Kumbang akan dipulihkan sepenuhnya.
- c) Nyatakan projek penggantian paip lama yang akan dilaksanakan di kawasan Kuala Kubu Bharu dan Rasa selepas projek penggantian paip lama di Kg Asam Kumbang siap.

**JAWAPAN:**

- a) Kerja-kerja penggantian paip di Kg Asam Kumbang yang bermula pada bulan Januari 2017 dijangka siap pada akhir April 2018. Sebanyak 3,140 meter paip sedang digantikan dan kini kerja pemasangan paip komunikasi dan kekaki meter sedang giat berjalan.
- b) Seperti yang termaktub dalam syarat-syarat kontrak kerja ini, pihak kontraktor perlu membaiki sebarang kerosakan pada jalan dan longkang akibat kerja-kerja penggantian paip lama. Selepas projek ini siap, pihak kontraktor perlu membaiki sebarang kerosakan jalan dan longkang jika ada aduan dari Majlis Daerah Hulu Selangor dan orang awam.
- c) Lokasi penggantian paip lama yang akan dilaksanakan di kawasan Kuala Kubu Baharu adalah di sepanjang Jalan Syed Mansor dan lokasi di Rasa adalah di Rumah Murah Rasa. Tawaran tender untuk kedua-dua lokasi ini akan disiarkan dalam suratkhbar pada bulan Mac 2018 dan kerja-kerja penukaran paip-paip lama di kedua-ke dua lokasi ini dijangka akan bermula pada bulan Jun 2018.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG  
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

**TAJUK : JALAN PERSEKUTUAN FT001**

31. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah JKR Selangor mempunyai maklumat terkini mengenai kontaktor yang dilantik dan pengambilan tanah bagi kerja-kerja naiktaraf termasuk pelebaran jambatan di Jalan Persekutuan FT001 berdekatan Batang Kali bagi menyelesaikan masalah kesesakan jalan yang semakin serius?

**JAWAPAN:**

- a) Projek Mengganti Dan Melebarkan Jambatan Di Atas Sungai Batang Kali FT001/438/10 Daerah Hulu Selangor kini telah berada di peringkat akhir perolehan. Surat pelawaan dan penjualan Dokumen Tender telah dilaksanakan pada 5 Disember 2017.

Penilaian tender telah selesai dan keputusan Lembaga Perolehan di peringkat JKR telah dimajukan kepada pihak Kementerian Kewangan untuk keputusan di Peringkat Lembaga Kementerian Kewangan Malaysia.

Peringkat Perancangan sehingga Perolehan dilaksanakan oleh Cawangan Jalan Ibu Pejabat JKR Malaysia dan Peringkat Pembinaan projek ini akan dipantau oleh JKR Hulu Selangor.

Proses pembinaan projek ini dijangka akan bermula pada pertengahan tahun 2018.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG  
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

**TAJUK : KOLAM DAN TASIK TERBIAR DI HULU SELANGOR**

32. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri berhasratewartakan kolam dan tasik terbiar di Hulu Selangor? Jika ya, nyatakan butir-butirnya.
- b) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat menjadikan sebahagian kolam dan tasik terbiar di Hulu Selangor sebagai kawasan riadah? Jika ya, nyatakan butir-butirnya.

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri telahpunewartakan 10 buah kolam bekas lombong yang terbiar sebelum ini di daerah Hulu Selangor. Kolam tersebut akan diwartakan sebagai Zon Perlindungan di bawah Seksyen 48, Enakmen LUAS 1999. Senarai warta kolam adalah seperti di Lampiran A. Kerajaan Negeri juga akan melihat kolan-kolam lain sekiranya sesuai untuk diwartakan dan menepati kriteria.

Kreteria utama sebagai kolam alternatif sumber air:

- 1) Keluasan melebihi 10 hektar;
  - 2) Kedalaman melebihi 3 meter;
  - 3) Kualiti air mematuhi garis panduan air mentah oleh Kementerian Kesihatan Malaysia;
  - 4) Tanah kerajaan atau anak syarikat kerajaan; dan
  - 5) Ada laluan masuk ke kawasan kolam tasik.
- b) Kerajaan Negeri tidak berhasrat untuk menjadikan sebahagian kolam dan tasik terbiar di Hulu Selangor sebagai kawasan riadah kerana terdapat kawalan aktiviti di dalam Zon Perlindungan.

Manakala Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) juga tiada perancangan untuk memajukan kolam-kolam atau tasik di Hulu Selangor. Peruntukan semasa lebih fokus kepada pembaikan serta naiktaraf taman-taman awam sedia ada. Hanya satu taman awam yang diselenggara oleh MDHS yang mempunyai tasik iaitu Taman Milenium bertempat di Ampang Pecah.

**PEWARTAAN KOLAM (TASIK & BEKAS LOMBONG) SEBAGAI ZON PERLINDUNGAN  
KOLAM  
SUMBER AIR ALTERNATIF DI HULU SELANGOR  
DI BAWAH SEKSYEN 48, ENAKMEN LUAS 1999**

BIL	NAMA KOLAM SUMBER AIR ALTERNATIF (NAMA DI BAWAH LUAS)	NAMA KOLAM SUMBER AIR ALTERNATIF (NAMA DI BAWAH JUPEM SELANGOR)	DAERAH	MUKIM/PEKAN/BANDAR	NO. PELAN WARTA/ARIKH WARTA	NO. LOT TERLIBAT	KELUASAN BADAN AIR	KELUASAN ZON PERLINDUNGAN
1.	Kolam Sungai Rawang-Serendah, Daerah Hulu Selangor.	Pelan Menunjukkan Zon Perlindungan Bagi Kawasan Kolam-Kolam Sumber Air Alternatif Di Atas Lot 2824, 2990 & Sebahagian Lot 45, Seksyen 20, Bandar Serendah, Daerah Hulu Selangor & Mukim Rawang, Daerah Gombak.	Ulu Selangor & Gombak	Bandar Serendah & Mukim Rawang	5 Dis 2013 (PW 1589)	Lot 2824, 2990 & Sebahagian Lot 45, Seksyen 20	31.266 Ha	45.40 Ha (112.30 Ek)
2.	Kolam Taman Desa Anggerik, Daerah Hulu Selangor.	Pelan Menunjukkan Zon Perlindungan Bagi Kawasan Kolam-Kolam Sumber Air Alternatif Di Bandar Serendah Seksyen 19 & Mukim Serendah Daerah Hulu Selangor.	Ulu Selangor	Bandar Serendah & Mukim Serendah	5 Dis 2013 (PW 1590)	-	11.23 Ha (27.76 Ek)	18.20 Ha (45.00 Ek)
3.	Kolam Takungan Kg. Timah, Mukim Hulu Yam, Daerah Hulu Selangor.	Pelan Menunjukkan Zon Perlindungan Bagi Kawasan Kolam-Kolam Sumber Air Alternatif Di Atas Lot 1121, 3356, 3357 & Sebahagian Lot 4630, Mukim Hulu Yam & Sebahagian Lot 2649, Mukim Batang Kali, Daerah Hulu Selangor.	Ulu Selangor	Mukim Ulu Yam & Mukim Batang Kali	10 April 2014 (PW 1591)	Lot 1121, 3356, 3357 & Sebahagian Lot 4630, Mukim Ulu Yam & Sebahagian Lot 2469, Mukim Batang Kali	25.50 Ha (63.10 Ek)	40.10 Ha (99.30 Ek)
4.	Kolam Takungan Rasa, Mukim Rasa, Daerah Hulu Selangor.	Pelan Menunjukkan Zon Perlindungan Bagi Kawasan Kolam-Kolam Sumber Air Alternatif Di Atas Lot 738 & Sebahagian Lot 3465, Mukim Batang Kali & Sebahagian Lot 3752, Bandar Batang Kali, Daerah Hulu Selangor.	Ulu Selangor	Mukim Batang Kali & Bandar Batang Kali	10 April 2014 (PW 1592)	Lot 738 & Sebahagian Lot 3465, Mukim Batang Kali & Sebahagian Lot 3752, Bandar Batang Kali	5.60 Ha (13.80 Ek)	11.70 Ha (29.00 Ek)
5.	Kolam Takungan '1', Kg. Keliang, Mukim Kalumpang, Daerah Hulu Selangor.	Pelan Menunjukkan Zon Perlindungan Bagi Kawasan Kolam-Kolam Sumber Air Alternatif Di Atas Lot 84, 2022 & 2026, Seksyen 10, Bandar Kalumpang & Lot 106, 111, 112 & 113, Mukim Kuala Kalumpang, Daerah Hulu	Ulu Selangor	Bandar Kalumpang & Mukim Kuala Kalumpang	10 April 2014 (PW 1593)	Lot 84, 2022 & 2026, Seksyen 10, Bandar Kalumpang & Lot 106, 111, 112 & 113, Mukim Kuala Kalumpang	11.80 Ha (29.00 Ek)	25.60 Ha (63.40 Ek)

BIL	NAMA KOLAM SUMBER AIR ALTERNATIF (NAMA DI BAWAH LUAS)	NAMA KOLAM SUMBER AIR ALTERNATIF (NAMA DI BAWAH JUPEM SELANGOR)	DAE RAH	MUKIM/PEKAN/BANDAR	NO. PELAN WARTA/ARIKH WARTA	NO. LOT TERLIBAT	KELUASAN BADAN AIR	KELUASAN ZON PERLINDUNGAN
		Selangor.						
6.	Kolam Takungan '2', Kg. Keliang, Mukim Kalumpang, Daerah Hulu Selangor.	Pelan Menunjukkan Zon Perlindungan Bagi Kawasan Kolam-Kolam Sumber Air Alternatif Di Atas Lot 1031, Mukim Kuala Kalumpang, Daerah Hulu Selangor.	Ulu Selangor	Mukim Kuala Kalumpang	10 April 2014 (PW 1594)	Lot 1031	3.90 Ha (9.80 Ek)	5.70 Ha (14.20 Ek)
7.	Kolam Takungan '1', Batu 31, Jln. Rawang - Batang Berjantai, Mukim Serendah.	Pelan Menunjukkan Zon Perlindungan Bagi Kawasan Kolam-Kolam Sumber Air Alternatif Di Atas Lot 2050, 2804, 3252, 3253, 3374, 3383 & Sebahagian Lot 3254, 3492, 4327, Mukim Serendah & Lot 46, 51-54, 66, 115 & Sebahagian Lot 55, 1569, 1576, Mukim Sungai Tinggi, Daerah Ulu Selangor.	Hulu Selangor	Mukim Serendah & Mukim Sungai Tinggi	14 Ogos 2014 (PW 1640)	Lot 3254, 3492, 4327, Mukim Serendah & Lot 46, 51-54, 66, 115 & Sebahagian Lot 55, 1569, 1576, Mukim Sungai Tinggi	132.60 Ha (327.66 Ek)	220.40 Ha (544.80 Ek)
8.	Kolam Takungan '2', Batu 31, Jln. Rawang - Batang Berjantai, Mukim Serendah.	Pelan Menunjukkan Zon Perlindungan Bagi Kawasan Kolam-Kolam Sumber Air Alternatif Di Atas Lot 64, 65, 67 & Sebahagian Lot 63, Mukim Sungai Tinggi, Lot 1690, 1692, 3371, 20352, 20353, 20359-20372, 20374, 21410, 21418-21424, 21565 & Sebahagian Lot 1691, 20411, 20383, 31610 & 31611, Mukim Serendah, Daerah Ulu Selangor, Lot 3884 & Sebahagian Lot 3883, 4989, 5408, Mukim Rawang, Daerah Gombak.	Hulu Selangor & Gombak	Mukim Sungai Tinggi, Mukim Serendah & Mukim Rawang	28 Mei 2015 (PW 1648)	Lot 64, 65, 67 & Sebahagian Lot 63, Mukim Sungai Tinggi, Lot 1690, 1692, 3371, 20352, 20353, 20359-20372, 20374, 21410, 21418-21424, 21565 & Sebahagian Lot 1691, 20411, 20383, 31610 & 31611, Mukim Serendah & Lot 3884 & Sebahagian Lot 3883, 4989, 5408, Mukim Rawang	176.40 Ha (435.89 Ek)	217.30 Ha (536.90 Ek)
9.	Kolam Takungan '3', Batu 31, Jln. Rawang - Batang Berjantai, Mukim Serendah.	Pelan Menunjukkan Zon Perlindungan Bagi Kawasan Kolam-Kolam Sumber Air Alternatif, Mukim Serendah, Daerah Ulu Selangor.	Hulu Selangor	Mukim Serendah	14 Ogos 2014 (PW 1641)	-	65.20 Ha (161.11 Ek)	172.80 Ha (427.10 Ek)
10.	Kolam Takungan Kg. Serigala, Batu	Pelan Menunjukkan Zon Perlindungan Bagi Kawasan Kolam-Kolam Sumber Air	Hulu Selangor	Mukim Ulu Bernam	14 Ogos 2014	Sebahagian Lot 5674 & 5772	10.00 Ha (24.80 Ek)	18.00 Ha (44.40 Ek)

BIL	NAMA KOLAM SUMBER AIR ALTERNATIF (NAMA DI BAWAH LUAS)	NAMA KOLAM SUMBER AIR ALTERNATIF (NAMA DI BAWAH JUPEM SELANGOR)	DAERAH	MUKIM/PEKAN/BANDAR	NO. PELAN WARTA/TARIKH WARTA	NO. LOT TERLIBAT	KELUASAN BADAN AIR	KELUASAN ZON PERLINDUNGAN
	6, Mukim Hulu Yam, Daerah Hulu Selangor.	Alternatif Di Atas Sebahagian Lot 5674 & 5772, Mukim Ulu Bernam, Daerah Ulu Selangor.			(PW 1595)		Ek)	

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG  
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

**TAJUK : BAS SMART SELANGOR DI HULU SELANGOR**

33. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah penumpang Bas Smart Selangor di Hulu Selangor mengikut laluan masing-masing.
- b) Adakah Kerajaan Negeri bercadang membina pondok perhentian di laluan Batang Kali? Jika ya, nyatakan butir-butirnya.

**JAWAPAN:**

- a) Perkhidmatan Bas Smart Selangor di kawasan pentadbiran Majlis Daerah Hulu Selangor mempunyai dua laluan bas iaitu laluan Bas Smart Selangor HS01 yang melalui Kuala Kubu Bharu - Bukit Sentosa dan laluan Bas Smart Selangor HS02 yang melalui KTM Batang Kali - Antara Gapi. Jumlah penumpang bagi kedua-dua laluan Bas Smart Selangor adalah seperti berikut:

(1) Laluan HS01

- (i) Jumlah penumpang bagi tempoh 16 Jun 2016 hingga 28 Februari 2018 adalah sebanyak **317,535** penumpang.
- (ii) Pecahan jumlah penumpang mengikut tahun adalah seperti berikut:
  - Tahun 2016 ( 16 Jun 2016 – 31 Disember 2016) : 90,608
  - Tahun 2017 ( 1 Januari 2017 – 31 Disember 2017) : 192,117
  - Tahun 2018 ( 1 Januari 2018 – 28 Februari 2018) : 34,810

(2) Laluan HS02

- (i) Jumlah penumpang bagi tempoh 24 September 2017 hingga 28 Februari 2018 adalah sebanyak **11,843** penumpang.
- (ii) Pecahan jumlah penumpang mengikut tahun adalah seperti berikut:
  - Tahun 2017 ( 24 September 2017 – 31 Disember 2017) : 3,194
  - Tahun 2018 ( 1 Januari 2018 – 28 Februari 2018) : 8,649

- b) Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri sentiasa memastikan jaringan pengangkutan awam diselarikan dengan penyediaan kemudahan infrastruktur seperti perhentian bas khususnya bagi laluan Bas Smart Selangor. Oleh yang demikian, Jawatankuasa Tetap Pengangkutan Negeri Selangor telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM24,000 pada bulan Disember 2017

kepada Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) bagi pembinaan hentian bas di lokasi laluan perkhidmatan Bas Smart Selangor yang ditentukan oleh pihak Majlis.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG  
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

**TAJUK : KUIL HINDU DI HULU SELANGOR**

34. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan kuil Hindu di Hulu Selangor yang telah diwartakan sebagai Rumah Ibadat Selain Islam sejak tahun 2008.
- b) Senaraikan kuil Hindu di Hulu Selangor yang menerima peruntukan Kerajaan Negeri (RIBI) dengan jumlahnya sejak tahun 2008.

**JAWAPAN:**

- a) Terdapat 13 buah kuil yang telah diwartakan di daerah Hulu Selangor. Berikut adalah senarai kuil di daerah Hulu Selangor yang telah diwartakan sebagai Rumah Ibadat Selain Islam sejak tahun 2008 seperti di **Lampiran 1**.
- b) Kerajaan Negeri Selangor telah memberikan bantuan kepada rumah-rumah ibadat Selain Islam bermula sejak tahun 2009. **Lampiran 2** menunjukkan peruntukan yang telah disalurkan kepada rumah ibadat selain Islam (Kuil) sejak tahun 2009 – 2018 bagi daerah Hulu Selangor.

LAMPIRAN 1

TAPAK RUMAH IBADAT YANG TELAH DI WARTAKAN DI DAERAH HULU SELANGOR

<u>Daerah</u>	No Fail	Mukim/Bandar/ Pekan	Agensi Pemohon	Jenis Tujuan	Status Terkini	Keluasan (kaki persegi)
HULU SELANGOR	PTUS 8C/5/2010	BANDAR SERENDAH	Gurdwara Sahib Bukit Beruntung	Keagamaan Bukan Islam - Kuil Sikh	WKN :1624 Bth : 18.04.2011	4,848.00
HULU SELANGOR	PTUS 8C/11/2010	MUKIM KERLING	Pengerusi Kuil Arulimigu Sri Subramaniar	Keagamaan Bukan Islam - Kuil Hindu	WKN :2642 Bth : 07.07.2016	825.35
HULU SELANGOR	PTUS 8C/12/2010	MUKIM SERENDAH	Pengerusi Kuil Sri Nageswari MunePengerusi Kuil Seri Maha Mariaman Bukit Beruntung	Keagamaan Bukan Islam - Kuil Hindu	Tindakan Teknikal	1,218.83
HULU SELANGOR	PTUS 8C/17/2010	BANDAR BATANG KALI	Persatuan Penganut Agama Sikh Rasa	Keagamaan Bukan Islam - Kuil Sikh	WKN :4407 Bth : 24.11.2016	929
HULU SELANGOR	PTUS 8C/18/2010	MUKIM SERENDAH	Pengerusi Kuil Sri Nageswari Muneeswaran Alayam Kg.Dato'Harun Serendah	Keagamaan Bukan Islam - Kuil Hindu	WKN :4010 Bth : 22.10.2015	825.35
HULU SELANGOR	PTUS 8C/19/2010	MUKIM HULU YAM	Setiausaha Kuil Sri Siva Muneswaran	Keagamaan Bukan Islam - Kuil Hindu	WKN :1709 Bth : 11.05.2017	925.00
HULU SELANGOR	PTUS 8C/20/2010	MUKIM RASA	Setiausaha Arimigu Sri Tandayuthabni Kampung Kendaiah, Rasa	Keagamaan Bukan Islam - Kuil Hindu	WKN :3324 Bth : 27.08.2015	-

<u>Daerah</u>	No Fail	Mukim/Bandar/ Pekan	Agensi Pemohon	Jenis Tujuan	Status Terkini	Keluasan (kaki persegi)
HULU SELANGOR	PTUS 8C/58/2010	BANDAR SERENDAH	Pemegang Amanah Kuil Sri Sitty Vinayagar	Keagamaan Bukan Islam - Kuil Hindu	WKN :3325 Bth : 27.08.2015	2,081.00
HULU SELANGOR	PTUS 8C/1/2012	MUKIM SERENDAH	Persatuan Penganut Sri Maha Mariaman	Keagamaan Bukan Islam - Kuil Hindu	WKN :4832 Bth : 19.12.2013	858.40
HULU SELANGOR	PTUS 8C/24/2012	BANDAR SERENDAH	Pemegang Amanah Sri Thandayuthapami Temple	Keagamaan Bukan Islam - Kuil Hindu	PUSEL716_2016	5226
HULU SELANGOR	PTHS 8C/10/2013	BULOH TELUR	Persatuan Penganut Agama Hindu Sri Muneeswarar Veerapathra Kaaliaman	Keagamaan Bukan Islam - Kuil Hindu	PUSEL194_2017	1,147
HULU SELANGOR	PTHS 8C/43/2014	BANDAR KUALA KUBU BAHARU	Pertubuhan Berhala Sri Sithi Vinayagar	Keagamaan Bukan Islam - Kuil Hindu	PU JUPEM : 13/18	883
HULU SELANGOR	PTHS 8C/26/2015	KUALA KALUMPANG	Persatuan Penduduk Sikh Kalumpang	Keagamaan Bukan Islam - Kuil Sikh	PU JUPEM : 44/17	1,136

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG  
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

**TAJUK : JALAN LADANG DI HULU SELANGOR**

35. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah JPS Selangor bercadang jalan ladang di Hulu Selangor diselenggarakan dengan "*concrete*" memandangkan "*crusher run*" tidak sesuai di kawasan bukit? Jika tidak, nyatakan sebab-sebabnya
- b) Nyatakan peruntukan JPS Selangor untuk menaiktaraf atau menyelenggarakan jalan ladang di Hulu Selangor secara terperinci pada tahun 2018.

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman, JPS memang maklum mengenai ketidaksesuaian penggunaan '*crusher-run*' untuk menyelenggara, menaiktaraf atau membina jalan ladang di kawasan berbukit khususnya di Daerah Hulu Selangor.

Bagaimanapun, penyelenggaraan menggunakan konkrit belum dapat dilaksanakan pada masa ini atas sebab berikut :

- i. Kriteria bagi penggunaan peruntukan MARRIS adalah untuk kerja membaikpulih sahaja. Sekiranya jalan '*crusher-run*' hendak dijadikan jalan konkrit ia merupakan kerja naiktaraf atau membina semula.
- b) Pada RMK-11 tiada projek menaiktaraf atau membina jalan ladang dapat dilaksanakan kerana tiada butiran peruntukan di bawah Pembangunan Negeri (P13) bagi tujuan tersebut. Manakala bagi tujuan penyelenggaraan jalan ladang pula, bagi tahun 2018 sehingga kini, JPS Daerah Hulu Selangor memperuntukkan sebanyak RM100,000.00 di bawah butiran B13 28000.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG  
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

**TAJUK : TANAH REZAB PERKUBURAN DI HULU SELANGOR**

36. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Status terkini pewartaan tanah rezab perkuburan di Bernam Jaya yang seluas 55 ekar yang diserahkan oleh pihak PKNS.
- b) Adakah Kerajaan Negeri bercadang mewujudkan Perkuburan Bersepadu Bernam Jaya untuk orang Islam dan bukan Islam? Jika ya, nyatakan butir-butirnya.
- c) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri supaya tanah perkuburan kaum India di Kalumpang dan Kerling diuruskan dengan baik?

**JAWAPAN:**

- a) Pihak Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) telah mengemukakan draf akhir pelan penyerahan rezab kubur bersepadu berkeluasan 55 ekar ke Jabatan Perancang Bandar MDHS dan permohonan Kebenaran Merancang dijangka akan dikemukakan dalam bulan April 2018.
- b) Ya, satu Perkuburan Bersepadu adalah dicadangkan di kawasan Bernam Jaya yang merangkumi tapak perkuburan bagi orang Islam, Cina dan India. Pembahagian keluasan adalah berdasarkan kepada perangkaan jumlah penduduk mengikut kaum di Daerah Hulu Selangor yang terkini.
- c) Terdapat peruntukan khas yang disediakan di bawah Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) di bawah Jawatankuasa Hal Ehwal Selain Islam Negeri Selangor bagi membantu persatuan-persatuan mengurus dan menyelenggara tanah-tanah perkuburan Bukan Islam yang telah diwartakan. Pihak persatuan yang berdaftar boleh memohon peruntukan tersebut terus ke UPEN dengan mengemukakan dokumen-dokumen yang telah ditetapkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE  
(N27 BALAKONG)**

**TAJUK : PERMOHONAN TANAH KERAJAAN**

37. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan tanah-tanah yang telah ditukar milik daripada tanah kerajaan kepada parti-parti politik sejak tahun 2000 mengikut daerah masing-masing.
- b) Nyatakan jumlah bayaran yang telah dikenakan bagi penukaran milik berkenaan dan keluasan tanah masing-masing.

**JAWAPAN:**

- a) Berdasarkan rekod daripada Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer (SPTB), sejak tahun 2000 tiada tanah yang dipindah milik/ diberimilik oleh Pihak Berkuasa Negeri kepada mana-mana parti politik.
- b) Tiada.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG  
(N22 TERATAI)**

**TAJUK : PEWARTAAN TAPAK RUMAH BERIBADAT BUKAN ISLAM**

38. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila kemukakan senarai rumah ibadat bukan Islam mengikut DUN di Selangor.
- b) Berapakah tapak tersebut yang telah diwartakan dan berapakah yang belum diwartakan?
- c) Apakah sebab-sebab tapak-tapak tersebut belum diwartakan?

**JAWAPAN:**

- a) Jumlah rumah ibadat selain Islam yang terdapat dalam inventori Kerajaan Negeri adalah sebanyak 1,511 buah. Pecahan mengikut PBT adalah seperti berikut:

PBT	TOKONG	KUIL	GEREJA	GUDWARA	JUMLAH
MBSA	16	53	12	1	<b>82</b>
MBPJ	45	53	37	2	<b>137</b>
MPK	210	138	11	0	<b>359</b>
MPAJ	29	10	22	2	<b>63</b>
MPSJ	8	34	30	0	<b>72</b>
MPS	21	38	0	0	<b>59</b>
MPKJ	117	76	1	1	<b>195</b>
MPSP	27	53	3	0	<b>83</b>
MDKL	30	48	9	1	<b>88</b>
MDHS	20	20	3	5	<b>48</b>
MDKS	81	174	18	2	<b>275</b>
MDSB	42	6	2	0	<b>50</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>646</b>	<b>703</b>	<b>148</b>	<b>14</b>	<b>1,511</b>

- b) Jumlah tapak rumah ibadat yang telah diwartakan sebanyak 66 buah dan pecahan mengikut PBT adalah seperti jadual di bawah :

PBT	TOKONG	KUIL	GEREJA	GUDWARA	JUMLAH
MBSA	0	0	0	0	0
MBPJ	1	1	0	0	2
MPK	8	6	0	0	14
MPAJ	0	0	0	0	0

<b>PBT</b>	<b>TOKONG</b>	<b>KUIL</b>	<b>GEREJA</b>	<b>GUDWARA</b>	<b>JUMLAH</b>
MPSJ	1	0	2	0	3
MPS	1	3	0	0	4
MPKJ	6	7	0	0	13
MPSP	4	0	1	0	5
MDKL	0	1	0	0	1
MDHS	1	4	0	1	6
MDKS	8	5	0	0	13
MDSB	4	0	1	0	5
<b>JUMLAH</b>	<b>34</b>	<b>27</b>	<b>4</b>	<b>1</b>	<b>66</b>

- c) Kebanyakan rumah ibadat yang terdapat di Negeri Selangor masih belum diwartakan kerana :
- i) Tiada permohonan daripada pemilik rumah ibadat tersebut;
  - ii) Rumah ibadat terletak di atas rizab kerajaan bukan tujuan rumah ibadat atau di atas tanah hakmilik; dan
  - iii) Sedang dalam tindakan pewartaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG  
(N22 TERATAI)**

**TAJUK : TANAH RENTIS TNB**

39. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Memandangkan Kerajaan Selangor membenarkan TNB memasang Pylon berdekatan kawasan perumahan, adakah Kerajaan Selangor mengenakan syarat supaya tanah rentis TNB berkenaan dijadikan tempat letak kereta penduduk-penduduk sekitar demi menyelesaikan masalah kekurangan tempat letak kereta?
- b) Jika tidak untuk soalah (a), apakah sebabnya?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri tidak pernah mengenakan syarat supaya tanah rentis TNB dijadikan tempat letak kereta untuk keperluan penduduk. Pemaju perumahan disyaratkan untuk menyediakan tempat letak kereta yang mencukupi dalam kawasan pembangunannya selaras dengan Manual Piawaian Perancangan Negeri Selangor.
- b) Rentis TNB merupakan rizab awam yang diwartakan di bawah Seksyen 62, Kanun Tanah Negara atau yang dikuatkuasakan melalui Akta Bekalan Elektrik. Sebarang aktiviti di bawah talian rentis perlu mendapat ulasan teknikal daripada TNB dan PBT. Walau bagaimanapun terdapat aktiviti-aktiviti yang dibenarkan di atas tanah rizab kerajaan untuk pengeluaran Lesen Pendudukan Sementara melalui pemakaian Pekeliling PTGS Bil. 4/2015, (**Garis Panduan Lesen Pendudukan Sementara (LPS) Di Atas Tanah Rizab Kerajaan Di Negeri Selangor**).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG  
(N22 TERATAI)**

**TAJUK : TAPAK GANTIAN UNTUK TAPAK SEKOLAH**

40. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Mengikut undang-undang, tapak gantian haruslah diberikan untuk tapak sekolah atau tapak pendidikan yang digunakan untuk tujuan lain. Apakah tindakan Kerajaan Selangor akan ambil jika ini tidak berlaku?
- b) Dimanakah tapak baru untuk tapak sekolah yang berlokasi bersebelahan Taman Bukit Segar Jaya dan tapak tadika/ universiti berlokasi di Jalan 19, Taman Putra?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri amat komited dalam memastikan penyediaan tanah untuk tujuan tapak sekolah dalam kelulusan pembangunan berdasarkan pemakaian Manual Garis Panduan Piawai Perancangan Negeri Selangor. Sekiranya tanah yang telah diperuntukkan sebagai tapak sekolah hendak digunakan untuk tujuan selain daripada pembinaan sekolah, maka tapak ganti perlu disediakan dan tapak ganti tersebut perlu mendapat sokongan daripada jabatan teknikal.

Sebagai penambahbaikan Kerajaan Negeri melalui Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Bil. 25/2015 yang telah diadakan pada 5 Ogos 2015 dan disahkan oleh MMKN ke 26/2015 pada 12 Ogos 2015, hanya meluluskan pemberimilikan tanah kepada PTP bagi tujuan tapak sekolah setelah peruntukan membina sekolah telah diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan. Sementara itu tanah yang diperuntukkan untuk tujuan tapak sekolah hendaklah diwartakan di bawah Seksyen 62 KTN dengan melantik Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor sebagai Pegawai Pengawal dan diurustadbir oleh PBT yang berkenaan sehingga perancangan dan peruntukan sekolah disediakan. Hal ini juga dapat mengelakkan kejadian pencerobohan tanah tapak sekolah dapat dikawal dengan baik.

- b) Sehingga kini, tiada permohonan untuk menggantikan tanah tersebut diterima daripada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP).